



Transformasi Kokurikulum Berkredit Politeknik Malaysia

Yusni Bin Mohamad Yusak, Azizul Izham bin Abdul Rahim dan Aznul Rafizul Bin Ramli

Politeknik Port Dickson, KM. 14, Jalan Pantai 71050 Si Rusa Negeri Sembilan

yusni@polipd.edu.my, azizul@polipd.edu.my & aznulkono@gmail.com

Abstrak: Kokurikulum di politeknik adalah wadah pelengkap kepada pengalaman pembelajaran penuh yang dijalankan di luar bilik kuliah. Aktiviti kokurikulum dijalankan secara terancang dan sistematik bagi menyediakan peluang menambah, memperkukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik kuliah. Kokurikulum politeknik sejak penawarannya pada tahun 1996 perlukan nafas pembaharuan menjadikannya sentiasa relevan, memberikan nilai tambah dan kebolehpasaran mahasiswa. Pelan transformasi kokurikulum berkredit politeknik dirancang selanjutnya dijemakan pada tahun 2014 menyahut cabaran pembaharuan dan penambahbaikan kualiti secara berterusan (*Continuous Quality Improvement - CQI*). Penelesaiannya 3 laluan dibangunkan Laluan 1 - Sukan, Laluan 2 - Kelab Persatuan dan Laluan 3 - Unit Beruniform. Penawaran tiga laluan baharu ini memberikan impak positif kearah menjadikan mahasiswa lebih terampil dan menguasai kemahiran masing-masing disamping memberikan peluang kepada mahasiswa dan pensyarah mendalami ilmu kesukarelawanan, kepegawaian dan kejurulatihan.

Kata kunci: Transformasi, kokurikulum berkredit, politeknik

1.0 PENGENALAN

Kokurikulum di politeknik adalah wadah pelengkap kepada pengalaman pembelajaran penuh (*total learning experience*) yang dijalankan di dalam bilik kuliah. Aktiviti yang dijalankan adalah terancang dan 'dapat menyediakan peluang kepada mahasiswa untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik darjah.' (DBP 1992).

Aktiviti-aktiviti kokurikulum di politeknik merupakan pemacu sendiri (*self driven*) bagi mengasah bakat dan menggarap kemahiran dalam suasana pembelajaran yang fleksibel dan menyeronokkan disamping menambah pengetahuan sedia ada serta kemahiran mahasiswa di dalam bidang-bidang tertentu. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dan yang dilaksanakan merupakan 'wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan, berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang bersepadu dan menyeluruh.

Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur-unsur intelek, disiplin sendiri, kepimpinan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, kecintaan kepada alam semula jadi, kewarganegaraan dan kesetiaan kepada bangsa dan negara, kebudayaan, integrasi nasional, dan sebagainya akan membantu mahasiswa menentukan hala tuju kehidupan masa depannya'. (Wahab 2002, KPM t.thn.) Sehubungan itu, pernyataan di atas adalah selaras dengan matlamat politeknik untuk menjana modal insan yang berketerampilan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja global.

Kursus kokurikulum di politeknik meliputi penguasaan pengetahuan dan kemahiran khusus bagi aktiviti sukan, kelab dan unit beruniform Mahasiswa-mahasiswa didedahkan dengan kemahiran-kemahiran asas secara teori dan praktikal. Mereka juga akan mempelajari undang-undang permainan, pengelolaan pertandingan dan penganjuran khidmat masyarakat. Semua pengetahuan dan kemahiran ini membantu mereka untuk merancang, melaksanakan dan mengelolakan aktiviti dengan lebih efisien lagi.

Aktiviti kokurikulum di politeknik juga secara tidak langsung mendedahkan mahasiswa kepada kemahiran insaniah (*softskills*) dan ini membantu pembentukan dan pembangunan diri individu yang positif. Kemahiran yang diperolehi ini membantu memantapkan jati diri, kualiti kepimpinan dan semangat kerja



berpasukan dikalangan mahasiswa. Kursus kokurikulum di politeknik juga 'adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan atau pun *'esprit de corps'* di antara mahasiswa-mahasiswa pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih mahasiswa-mahasiswa supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai.' Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) (Mohamad 1988)

Kursus kokurikulum di politeknik juga 'merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan, untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan.' Rujuk Subperaturan 3(1) dalam Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai P.U.(A) 531/97.

Sehubungan itu, kemahiran-kemahiran kokurikulum yang dipelajari ini membantu membentuk mahasiswa menjadi seorang individu yang berketerampilan, berkredibiliti dan berintegriti seterusnya bersedia untuk menghadapi cabaran di masa depan.

1.2 Pernyataan Masalah

Kokurikulum berkredit di politeknik sejak diperkenalkan mulai Sesi Jun 2000 adalah selaras dengan pelaksanaan Modul Kokurikulum di semua politeknik. Kelulusan pelaksanaan tersebut adalah merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Teknikal Politeknik Bil.1/2000. Modul kokurikulum yang diluluskan adalah R1001 POLIBRIGED dan R2001 (Pasukan Beruniform, Sukan dan Kelab/Persatuan) (POLISAS 2019) Justeru, setiap mahasiswa diwajibkan mendaftar kokurikulum berkredit tersebut, mengikuti kursus dengan jayanya, lulus dan akan diberikan 2 mata kredit. Pada dasarnya para mahasiswa diberikan kebebasan untuk membuat pilihan salah satu daripada 3 (Pasukan Beruniform, Sukan dan Kelab/Persatuan) unit berkenaan mengikut minat dan kecenderungan masing-masing.

Namun begitu, beberapa permasalahan perlu diberikan perhatian serius pihak pengurusan JPPKK dan politeknik pelaksana. Pelaksanaan kokurikulum berkredit di politeknik adalah terhad setakat Semester 2 sahaja. Kekangan waktu tersebut tidak memungkinkan mahasiswa yang mengikuti kokurikulum berkredit unit beruniform seperti Askar Wataniah (AW), Pasukan Latihan Askar Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (PLAS LAUT) dan Pelatih Institusi Pertahanan Awam (PISPA) untuk menghabiskan keseluruhan silibus pembelajaran yang ditetapkan khususnya keperluan kejurulatihan dan pentauliahan. Implikasinya, mahasiswa yang ingin meneruskan perkhidmatan mereka perlu mengambil inisiatif sendiri menjadualkan waktu kuliah, waktu rehat dan hujung minggu untuk mengikuti keperluan silibus tersebut.

Selain itu, aspek kompetensi dan kemahiran para pensyarah dan tenaga pengajar kokurikulum perlu ditingkatkan. Langkah jabatan melantik jurulatih dan tenaga pengajar luar adalah tindakan penyelesaian jangka pendek. Bergantungan kepada jurulatih dan tenaga pengajar luar bagi satu jangka masa yang panjang menghambat pihak pengurusan jabatan kepada implikasi kewangan yang meruncing dan membebankan.

Seterusnya keperluan peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi memenuhi keperluan silibus. Peralatan PdP diperlukan bagi memastikan keperluan silibus dapat dipenuhi terutamanya aspek praktikal bagi menjamin kualiti dan keberhasilan graduan setanding dengan institusi lainnya dan diiktiraf pihak luar. Justeru, satu perancangan baharu perlu dilaksanakan segera bagi menstrukturkan kembali pelaksanaan kokurikulum berkredit agar ia dilihat sentiasa relevan, memberikan nilai tambah dan halatuju yang jelas.

Commented [1]: Dicapangkan 1.2 pernyataan masalah

Commented [YMY2R1]:



2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 Objektif, Matlamat Dan Impak Kokurikulum

Pelaksanaan kokurikulum di politeknik menekankan kepada objektifnya yang tersendiri, menurut Penolong Pengarah, Bahagian Kurikulum JPP Yusni Mohamad Yusak (2013, 2014, 2017) antara objektifnya adalah:

1. Membangunkan bakat dan potensi mahasiswa dalam bidang kemahiran profesional khususnya dalam bidang sukan, kelab/persatuan dan badan beruniform.
2. Membentuk dan membangunkan jati diri mahasiswa yang mempunyai nilai patriotisme yang unggul, nilai ketahanan diri, berkeperibadian serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan.
3. Mengasah bakat dan potensi mahasiswa melalui kegiatan yang sihat khususnya dalam bidang sukan, kelab dan badan beruniform.

Menurut Ketua Penggubal Kurikulum Kokurikulum Politeknik, Mohd Azman Mohd Alwi (2014) objektif yang dinyatakan tersebut jelas menunjukkan kegiatan kokurikulum di Politeknik memberi fokus kepada perkembangan psikomotor dan afektif secara holistik melalui aktiviti-aktiviti sukan, kelab/persatuan dan unit beruniform disamping menjalinkan hubungan sosial yang positif.

Berdasarkan kepada objektif yang telah dinyatakan, kokurikulum politeknik yang dibangunkan dan digubal adalah bagi mencapai matlamat seperti berikut :

1. Melahirkan mahasiswa yang aktif, kreatif dan berinovasi serta berfikiran terbuka.
2. Meningkatkan penguasaan pengetahuan dalam kemahiran Kursus Kokurikulum secara holistik untuk mengukuhkan kemahiran insaniah.
3. Mengamalkan gaya hidup sihat dan etika bersosial tanpa prejudis kaum dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat setempat.
4. Memperkukuhkan semangat dan daya potensi dalam menghadapi cabaran global.
5. Melahirkan mahasiswa yang mempunyai jati diri dan sahsiah kepimpinan.
6. Membantu pihak institusi melahirkan mahasiswa yang berketrampilan seimbang dan harmoni dalam aspek-aspek rohani, keintelektualan, emosi, sosial dan fizikal. (Yusak et al. 2014)

Tambah Alwi (2014) kursus kokurikulum di politeknik memberikan impak yang positif kepada pembangunan diri setiap mahasiswa dan membantu untuk memantapkan semangat kekitaan (*esprit de corps*) dikalangan mereka. Aktiviti-aktiviti yang dirancang juga bertujuan melatih mahasiswa-mahasiswa supaya menjadi seorang yang bertanggungjawab, berintegriti dan berkemahiran dalam bidang yang mereka sertai.

Kegiatan kokurikulum sukan dan permainan yang diikuti mahasiswa akan menerapkan kemahiran generik seperti kerja berkumpulan, pemikiran kritis, kepimpinan dan kemahiran komunikasi. (Ahmad) Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan membentuk mahasiswa agar berketerampilan serta mempunyai sikap kepimpinan, kerjasama dan mempunyai keperibadian yang tinggi sebagai individu yang memenuhi aspirasi negara. Antara faedah yang diperolehi daripada penglibatan mahasiswa dalam kegiatan aktiviti kokurikulum adalah seperti berikut:

1. Aktiviti berpasukan membantu mewujudkan rasa persefahaman, semangat kerja berpasukan dan pengukuhan jati diri dalam individu.
2. Aktiviti yang dilaksanakan secara berpasukan akan mengukuhkan sikap toleransi, kerjasama dan ikatan perpaduan.



3. Aktiviti yang terancang akan memberi impak yang positif kepada pengurusan diri dan pengurusan masa yang efektif.
4. Melahirkan modal insan yang berketerampilan selaras dengan transformasi pendidikan negara. (Alwi 2014)

2.2 Mpu Dan Kokurikulum

Kepentingan kokurikulum di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tidak dapat disangkal lagi. Kokurikulum di IPT menjadi teras melahirkan mahasiswa yang sihat tubuh badannya dan celik mindanya, proaktif dan mempunyai disiplin. Kokurikulum IPT juga merupakan wadah terbaik menterjemahkan 7 teras Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) terutamanya Teras ke 4 iaitu memperkasa institusi dengan menggalakkan penyertaan mahasiswa dalam sukan dan kokurikulum serta penyertaan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan. (KPTM 2007) iaitu melalui penawaran Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)

Penawaran Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) di IPT diperluaskan penawarannya mencakupi aspek-aspek penataran ilmu yang pelbagai seperti kemahiran berkomunikasi, keterampilan, penghayatan nilai-nilai murni dan sejarah. Mahasiswa akan diberikan pendedahan tentang bidang pengetahuan umum yang lebih luas skopnya menjangkau sempadan disiplin ilmu tradisional. Bidang-bidang tersebut seperti seni, falsafah dan bahasa asing. Hasrat memperluaskan jangkauan pengajian umum ini, adalah selaras dengan cita-cita ke arah melahirkan siswazah berfikir luas, seimbang dan holistik. (KPT 2016)

KPT telah membuat semakan dan penambahbaikan penawaran Matapelajaran Wajib (MPW) di semua IPT dalam negara. Penstrukturan semula MPU menggantikan Kursus Mata Pelajaran Wajib (MPW) di IPT memberikan tumpuan berteraskan cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial. (KPT 2016)

Jadual 1: Struktur Pelaksanaan MPU

Tahap Pengajian	U1	U2	U3	U4
Sarjana Muda, Sijil Siswazah Diploma Siswazah (Tahap 6 KKM)	Hubungan Etnik	Kemahiran Kepimpinan dan Hubungan Insan	Ekonomi Malaysia	Khidmat Masyarakat
Diploma Lanjutan (Tahap 5 KKM) Diploma (Tahap 4 KKM)	Pengajian Malaysia	Kemahiran Reka Cipta Dan Inovasi	Kerajaan Dan Dasar Awam Malaysia	Ko-Kurikulum
Sijil (Tahap 3 KKM)	Tiada	Kemahiran Menulis	Perbandingan Agama	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan IPT
		Kemahiran Keusahawanan	Etika Perbandingan	
		Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan IPT		
Nota: Kursus-kursus U2-U4 ditetapkan oleh IPT. Bagi pelajar warganegara yang tidak mendapat kredit di dalam kursus Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) maka DIWAJIBKAN mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A sebagai komponen U2				

Sumber: KPT, 2016, Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua

MPU menekankan kepada 4 kelompok iaitu penghayatan falsafah, nilai dan sejarah (U1) penguasaan kemahiran insaniah (U2), perluasan ilmu pengetahuan (U3) dan kemahiran pengurusan masyarakat (U4) MPU dijadikan syarat bergraduat kepada semua mahasiswa sejajar dengan syarat bergraduat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kursus Kokurikulum dan Khidmat Masyarakat



diletakkan di bawah kumpulan U4 iaitu Kemahiran Pengurusan Masyarakat. Kumpulan U4 kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.

3.0 METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen di mana pengkaji membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan, jurnal, buku, artikel prosiding, tesis dan minit mesyuarat.

4.0 HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kokurikulum Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kegiatan kokurikulum ertinya apa-apa kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah (kurikulum) yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Dalam Warta Kerajaan bertarikh 31 Disember 1997, Jld. 41, No. 26, Tambahan No. 94, Perundangan A.P.U. (A) 531, Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan (Kokurikulum Kebangsaan) telah memberi takrif Kokurikulum iaitu kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan akan mengandungi yang berikut: 1. Penyertaan dalam sukan dan permainan 2. Penyertaan dalam persatuan dan kelab 3. Penyertaan dalam pasukan pakaian seragam 4. Lain-lain kegiatan sebagaimana ditentukan oleh Menteri Pendidikan.

Keperluan kokurikulum di dalam sistem pendidikan negara adalah selari dengan apa yang terkandung di dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN). Komponen kokurikulum menjadi teras dalam melahirkan mahasiswa yang sihat mental dan fizikal, aktif serta berdisiplin. Kokurikulum juga merupakan wadah terbaik membugarkan 7 teras PSPTN terutamanya Teras ke 4 iaitu memperkasa institusi dengan menggalakkan penyertaan mahasiswa dalam sukan dan kokurikulum serta penyertaan mereka dalam aktiviti kesukarelawanan.

Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di institusi dapat dijadikan landasan oleh mahasiswa untuk mengembangkan minat dan bakat mereka menjangkau kandungan kurikulum khusus pengajian mereka ikuti di institusi (Canham & Bennett 2002; Mahoney et al. 2003; Badusah et al. 2009) Mahasiswa diberikan pendedahan dan pengalaman tentang realiti dunia sebenar, tatacara melaksanakan kerja dan cabarannya melalui penganjuran aktiviti yang pelbagai, pengendalian projek dan pengelolaan acara dari masa ke semasa. Keseluruhan proses yang dilalui para mahasiswa membantu mereka membina personaliti dan jati diri yang baik (Selamat et al. 2010) serta penguasaan kemahiran insaniah (Selamat et al. 2011)

Kegiatan kokurikulum dan pelaksanaannya menurut Jamalis dan Omar (2007) memberikan peluang kepada mahasiswa untuk menjadi lebih giat dan cerdas. Aktiviti kokurikulum yang diikuti dapat membentuk sahsiah dan membina kerjaya mahasiswa (Norashikin 2010) Aktiviti dan kegiatan kokurikulum yang diikuti akan dapat melahirkan insan yang seimbang jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) serta daya kepimpinan yang tinggi. Justeru, aktiviti kokurikulum yang diikuti oleh mahasiswa dapat melahirkan individu yang ceria, cergas, cerdas dan cemerlang sahsiah dirinya.

4.1 Kokurikulum Politeknik

Sejajar dengan keperluan dan perubahan semasa, kurikulum kokurikulum telah melalui beberapa fasa perubahan dan pengembangan. Perubahan tersebut mencakupi aspek perubahan kod dan inventori, isi

Commented [3]: Bab ini seharusnya Hasil Dapatan kerana bab sebelumnya adalah metodologi kajian

Dicadangkan bab 4.0 dinyatakan sebelum metodologi kajian.

Penulis perlu menentukan bahagian mana yang dikategori sebagai hasil dapatan berdasarkan metodologi kajian yang digunakan.



kandungan serta bentuk pentaksiran. Ia merupakan sebahagian daripada penambahbaikan berterusan (*Continues Quality Improvement – CQI*) seiring dengan kehendak semasa.

Komponen kokurikulum politeknik mencakupi kelompok sukan, kelab/persatuan dan unit beruniform adalah wajar dikekalkan. Pemilihan setiap komponen tersebut pastinya mengandungi sebab, falsafah dan matlamatnya yang tersendiri. Pemilihan kelompok sukan adalah sejajar dengan pengkategorian sukan di peringkat nasional, serantau dan olimpik. Jenis-jenis yang dipilih adalah terdiri daripada sukan yang tergolong di dalam sukan teras dan sukan berprestasi tinggi. (Alwi 2014) Selain daripada itu, beberapa jenis sukan yang baharu diperkenalkan bagi memastikan mahasiswa-mahasiswi di politeknik tidak ketinggalan di dalam sukan-sukan berkenaan.

Kurikulum kokurikulum Politeknik Malaysia sejak diperkenalkan pada tahun 2000-2019 telah ditambahbaik dan dikemaskini secara berperingkat seperti dalam Jadual 2 di atas iaitu Jun 2007, Disember 2011, Jun 2012 (*Online Distance Learning – ODL*), Jun 2013, Disember 2013, September 2013 (Ijazah) dan Jun 2014 (Diploma). Proses penambahbaikan secara berterusan ini melibatkan beberapa skop pemurnian iaitu kod kursus, nama, pelaksanaan mengikut semester, mata kredit, hasil pembelajaran kursus (CLO), topik, jumlah kursus dan bilangan penilaian yang dilaksanakan.

Jadual 2: Kandungan kurikulum kokurikulum Politeknik Malaysia 2007-2013

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Sem	Kredit	CLO	Topik	Kursus	Penilaian
Kurikulum Efektif : Jun 2007								
1	R1001	Kokurikulum 1 (Polibridged)	1	1	x	5	1	5
2	R2001	Kokurikulum 2 (Sukan/Kelab/Unit Beruniform)	2	1	x			
Kurikulum Efektif : 1 Disember 2011								
1	AR101	Kokurikulum 1 (Polibridged)	1	1	3	5		3
2	AR201	Kokurikulum 2 (Sukan)	2	1	3	2	24	3
3	AR201	Kokurikulum 2 (Kelab/Persatuan)	2	1	3	2	16	3
4	AR201	Kokurikulum 2 (Unit Beruniform)	2	1	3	2	10	3
Kurikulum Efektif : 1 Jun 2012 (<i>Online Distance Learning – ODL</i>)								
1	AR101	Kokurikulum 1 (Polibridged)	1	1	3	5		3
2	AR201	Kokurikulum 2 (Sukan)	2	1	3	2	24	3
3	AR201	Kokurikulum 2 (Kelab/Persatuan)	2	1	3	2	16	3
4	AR201	Kokurikulum 2 (Unit Beruniform)	2	1	3	2	10	3
Efektif : 1 Jun 2013 – Pra-Diploma								
1	PRB1xx1	Unit Beruniform	2	2	3	1	1	3
2	PRK1xx1	Sukan	2	2	3	1	7	3
3	PRS1xx1	Kelab	2	2	3	1	4	3
Kurikulum Efektif : 1 Disember 2013 – Diploma								
1	URB10xx	Unit Beruniform	1-6	3	2	1	30	2
2	URS20x1	Sukan	2	1	2	1	24	2
3	URK30x2	Kelab	3	2	2	2	17	2
Kurikulum Efektif : September 2013 - Ijazah								
1	BRB2xx1	Unit Beruniform	1	1	2	1	1	2
2	BRS2xx1	Sukan	2	1	2	1	2	2
3	BRK2xx1	Kelab	2	1	2	1	4	2
4	BUR3012	Khidmat Masyarakat	2	2	2	1	1	2

(Sumber: cidos.edu.my)




Menjelang tahun 2011, seiring dengan Transformasi Politeknik kearah membina upaya baharu bagi membangunkan sumber manusia negara dalam memenuhi keperluan modal ekonomi baharu berasaskan inovasi dan kreativiti, proses pembangunan kurikulum politeknik di perkasakan.

Selain itu juga, proses pembangunan kurikulum program pengajian melibatkan pihak industri pada peringkat awal (*proses input*) dan peringkat akhir (*final draft*), sebelum sesuatu kurikulum diluluskan oleh Lembaga Kurikulum Politeknik. Input pihak industri diperolehi bagi memastikan program yang di tawarkan di Politeknik relevan dan sejajar dengan dengan amalan terkini industri. Kurikulum baharu ini juga dibangunkan menggunakan pendekatan *Outcome Based Education (OBE)* iaitu pembelajaran berasaskan hasil. (KPT 2011)

Tegas Yusni Mohamad Yusak, transformasi kokurikulum politeknik dirangka bagi menstruktur semula pelaksanaan kokurikulum berkredit politeknik agar ianya memberikan impak yang positif kepada setiap mahasiswa yang terlibat terutamanya terhadap pembangunan persoaliti, pembentukan karekter yang mencakupi keperluan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) serta memberikan nilai tambah. (Yusak 2013, 2014, 2017) Satu kerangka konsep pelaksanaan kokurikulum politeknik diperkenalkan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Kerangka konsep pelaksanaan kokurikulum politeknik



Sumber: Yusak et al. 2014. *Buku Garis Panduan Kokurikulum Politeknik Malaysia*.

Rajah 1 di atas menunjukkan proses kemenjadian seorang mahasiswa yang mengikuti program kokurikulum di politeknik bermula dengan pemilihan laluan kokurikulum (Laluan 1 atau Laluan 2). Berikutnya mahasiswa akan mengikuti kurikulum kokurikulum pilihan dengan penekanan kepada aspek penguasaan Kemahiran Khusus dan Penerapan Elemen Kamahiran Insaniah (KI) Aspek penguasaan dan keahlian mahasiswa dalam kokurikulum diperakukan dalam bentuk pemberian Sijil Pengiktirafan, Sijil



Kejurulatihan atau Sijil Kehadiran. Sebagai *outcome* terhasilnya kumpulan mahasiswa yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dengan ketrampilan, peningkatan motivasi dan penguasaan kamahiran insaniah.

Menurut Alwi (2014) lagi kelompok kelab/persatuan yang ditawarkan adalah sebagai lanjutan daripada penawaran kelab/persatuan yang telah diikuti mahasiswa di sekolah menengah lagi. Ia dibangunkan bertujuan memberikan pengetahuan yang lebih mendalam dan pengalaman mengendalikan kelab/persatuan di peringkat pengajian tinggi.

Transformasi kurikulum Politeknik Malaysia diluluskan oleh Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Latihan Politeknik melalui Kertas KERJA KK01/1K/2013 - Memohon Kelulusan Pelaksanaan Kurikulum Kokurikulum bagi program pengajian di Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia yang dibentangkan pada tahun 2013. (Yusak 2013) Berikutan daripada itu, kurikulum kokurikulum Efektif Jun 2014 diluluskan. Perinciannya adalah seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Kandungan kurikulum kokurikulum Politeknik Malaysia Efektif Jun 2014

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Sem	Kredit	CLO	Topik	Kursus	Penilaian
Kurikulum Efektif : Jun 2014 - Diploma								
1	DRB1xx0	Asas Unit Beruniform	1	0	2	1	9	2
2	DRS2xx1	Sukan	2	1	2	1	37	2
3	DRB2xx1	Unit Beruniform 1	2	1	2	1	9	2
4	DRB3xx2	Unit Beruniform 2	3	2	2	2	9	2
5	DRK3xx2	Kelab	3	2	2	2	33	2
6	DRB5xx0	Unit Beruniform 3	4	0	2	1	9	2
7	DRB6xx0	Unit Beruniform 4	5	0	2	1	9	2

(Sumber : cidos.edu.my)

Jadual 3 di atas menunjukkan peningkatan yang amat ketara pada bilangan kursus yang ditawarkan bagi ketiga-tiga komponen iaitu sukan 37, kelab 33 dan unit beruniform 9. Pertambahan bilangan kursus yang ditawarkan akan memberikan lebih banyak pilihan dan peluang kepada para mahasiswa untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang mereka ingin sertai. Secara teknikalnya mahasiswa diberikan pilihan untuk memilih salah satu laluan kokurikulum yang disediakan. Mahasiswa adalah tidak dibenarkan bertukar laluan sehingga menamatkan keperluan kokurikulum laluan yang mereka pilih. Perinciannya setiap laluan ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Pelaksanaan kurikulum kokurikulum Politeknik Malaysia Efektif Jun 2014

	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3	
	1	2	3	4	5	6
LALUAN 1		PRS/K 2xx2		Latihan Industri		
		DRS 2xx1	DRK 3xx2			
		BRS/K 2xx1	BUR 3xx2			
LALUAN 2		PRB 2xx2		Latihan Industri		
	DRB 1xx0	DRB 2xx1	DRB 3xx2		DRB 5xx0	DRB 6xx0
	BRB 1xx0	BRB 2xx1	BRB 3xx2		BRB 5xx0	BRB 6xx0

Penambahbaikan kurikulum Efektif Jun 2014 ditunjukkan seperti Jadual 4 di atas memberikan gambaran jelas pelaksanaan kokurikulum melalui 2 laluan yang berbeza. Laluan 1 komponen sukan (PRS/DRS/BRS) dan kelab/persatuan (PRK/DRK/BUR) yang akan ditawarkan bermula Semester 2, manakala Laluan 2 dikhususkan untuk unit beruniform (PRB/DRB/BRB) Persamaan yang amat ketara dalam pelaksanaan kedua-dua laluan tersebut adalah keperluan memenuhi 3 jam kredit bagi setiap laluan sebagai syarat untuk bergraduasi. Perbezaan yang amat jelas iaitu mahasiswa yang memilih Laluan 2 dikehendaki memulakan



pengajian mereka bermula seawal Semester 1 (DRB 1xx0 / BRB 1xx0) dan perlu menghabiskannya pada Semester 6 (DRB 6xx0 / BRB 6xx0) Keperluan mengikuti DRB 1xx0 / BRB 1xx0 Asas Unit Beruniform pada Semester 1 adalah bagi tujuan pendaftaran, ujian fizikal, ujian kesihatan dan tapisan keselamatan sebagai memenuhi syarat pelantikan sebagai seorang anggota pasukan beruniform, manakala keperluan mengikuti DRB 5xx0 / BRB 5xx0 dan DRB 6xx0 / BRB 6xx0 adalah bagi mengikuti kursus-kursus kemahiran dan lanjutan yang melayakkan seseorang mahasiswa untuk dilantik sebagai seorang jurulatih dan pentauliahan sebagai pegawai.

Pengakji mendapati, perubahan besar yang berlaku kepada kurikulum kokurikulum Efektif 2014 memberikan impak positif kepada para pelajar terutamanya dalam aspek kemahiran generik dan kemahiran insaniah. Pemupukan semangat berpasukan dan kikitaaan yang diterapkan dalam unit beruniform memberikan kesan positif kepada pembentukan sahsiah dan peribadi mahasiswa. Sehingga artikel ini di tulis sebanyak 25 buah politeknik menubuhkan Briged Rela Siswa Siswi (RELASIS), 23 buah politeknik menubuhkan Pelatih Institusi Pertahanan Awam (PISPA), 18 buah politeknik menubuhkan Askar Wataniah (AW), 13 buah politeknik menubuhkan Pengakap Kelanasiswa (KLKM) dan 8 buah politeknik menubuhkan Pandu Puteri (GG). Dari jumlah tersebut sekurang-kurangnya 5000 orang pelajar terlibat secara aktif dalam unit beruniform dan tidak kurang daripada 2000 orang bersedia digerakkan memberikan bantuan kesukarelaan dalam satu-satu masa.

Menjelang tahun 2017 Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah merangka struktur kurikulum kokurikulum baharu untuk dilaksanakan bermula ambilan Jun 2019. Penambahbaikan yang dilakukan mengambilkira keperluan semasa dan cadangan penambahbaikan yang diterima daripada pemegang taruh yang terdiri daripada ahli akademik, industri, pensyarah, pelajar dan pihak yang berkepentingan. Struktur baharu kurikulum kokurikulum Politeknik Malaysia Efektif Jun 2019 seperti ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5 : Kandungan kurikulum kokurikulum Politeknik Malaysia Efektif Jun 2019

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Sem	Kredit	CLO	Topik	Kursus	Penilaian
Kurikulum Efektif : Jun 2019 - Diploma								
1	MPU24xx1	Sukan	1	1	2	1	37	2
2	MPU24xx1	Kelab/Persatuan	2	1	2	2	33	2
3	MPU24xx1	Unit Beruniform 1	1	1	2	1	8	2
4	MPU24xx1	Unit Beruniform 2	2	1	2	1	8	2
5	MPU24xx0	Unit Beruniform 3	3	0	2	1	8	2
6	MPU24xx0	Unit Beruniform 4	4	0	2	1	8	2

(Sumber: cidos.edu.my)

Kokurikulum baharu Efektif Jun 2019 ini ditawarkan dalam maksima 4 semester. Semua pelajar diwajibkan mengikuti kokurikulum ber kredit pada Semester 1 dan 2 dengan nilai mata kredit 2 kredit. Manakala Semester 3 dan 4 adalah pilihan dengan pemberian nilai tambah kepada mahasiswa yang mengikutinya. (Hassan 2019a, 2019b) Pemberian nilai tambah adalah dalam bentuk pemberian sijil dan pelantikan sebagai jurulatih (sukan/kelab persatuan/unit beruniform), sijil kepengadilan (sukan) dan sijil pentauliahan (unit beruniform)

Tambah Hassan, Kurikulum Efektif Jun 2019 juga masih mengekalkan pilihan laluan oleh mahasiswa. Laluan 1 dikhususkan untuk kokurikulum sukan dan kelab/persatuan, manakala Laluan 2 khusus unit beruniform. Pelaksanaan kokurikulum seawal Semester 1 bagi kedua-dua laluan bagi memantapkan lagi pelaksanaan kokurikulum politeknik dengan mengambilkira penglibatan semua mahasiswa dalam kokurikulum tanpa gagal seawal mereka melapor diri di politeknik. Penjajaran kandungan kurikulum bagi Laluan 2 juga telah dilaksanakan dengan kandungan kurikulum Unit Beruniform di IPTA/IPTS yang menawarkan kokurikulum unit beruniform yang sama. (Hassan 2019a, 2019b)



Perincian pelaksanaan kokurikulum tersebut adalah seperti Jadual 6 di bawah.

Jadual 6 : Pelaksanaan kurikulum kokurikulum Politeknik Malaysia Efektif Jun 2019

TAHUN SEMESTER	TAHUN 1		TAHUN 2	
	1	2	3	4
Diploma	Sukan	Kelab	Kejurulatihan	Kepengadilan
	Unit Beruniform	Unit Beruniform	Kejurulatihan	Pentauliahan
Ijazah	Sukan	Kelab	Kejurulatihan	Kepengadilan
	Unit Beruniform	Unit Beruniform	Kejurulatihan	Pentauliahan

Jadual 6 di atas menjelaskan pengkategorian program pengajian di Politeknik Malaysia iaitu Diploma dan Ijazah dengan 2 pilihan laluan kokurikulum berkredit untuk diambil sepanjang pengajian mereka iaitu sukan dan kelab/persatuan serta unit beruniform yang dihadkan kepada maksimum 4 semester pengajian sahaja. Pengurangan semester adalah hasil penajajaran pelaksanaan kurikulum yang dilakukan terhadap kurikulum di IPTA/IPTS.

Secara terperinci pengkaji mendapati, kurikulum Efektif Jun 2019 iaitu; kokurikulum Laluan 1, Semester 1 akan mempelajari pengenalan, sejarah, syarat penyertaan, carta organisasi dan pengetahuan asas kokurikulum. Manakala, mahasiswa yang memilih untuk mengikuti Laluan 2, unit beruniform akan dikenakan syarat tambahan iaitu menjalani ujian fizikal, pemeriksaan kesihatan dan tapisan keselamatan bagi tujuan pemberian kad pelantikan (keaggotaan) Sebaliknya pelajar yang gagal memenuhi syarat yang disebutkan diberikan pilihan mengikuti Laluan. Mahasiswa yang tidak memenuhi syarat pelantikan masih boleh melengkapkan keperluan kredit kokurikulum dengan mengikuti unit beruniform tetapi tanpa diberikan kad pelantikan keaggotaan unit beruniform tersebut.

Mahasiswa Semester 2 pula akan didedahkan dengan kandungan khusus seperti aspek kemahiran pengendalian dan pengoperasian, pertandingan dan pengelolaan acara. Mahasiswa juga akan didedahkan dengan kursus kemahiran dan teknikal yang menjurus kepada kokurikulum berkredit yang mereka ikuti. Kandungan kursus kemahiran dan teknikal tersebut meliputi aspek perundangan, teknikal dan amalan terbaik.

Selanjutnya, kurikulum Semester 3 dan 4 yang merupakan cadangan penambahbaikan pelaksanaan kokurikulum berkredit Efektif Jun 2019 di Politeknik Malaysia. Penambahbaikan adalah meliputi cadangan pemberian nilai jam kredit (1 kredit) untuk Semester 3 dan Semester 4. Kewajaran pemberian nilai jam kredit sebagai pengiktirafan, pemberat dan keseriusan pelaksanaan struktur kokurikulum baharu. Kurikulum Semester 3 dan Semester 4 secara lebih spesifik menjurus kepada aspek kejurulatihan dan kepegawaian, dimasa silibus Semester 3 menjurus kepada aspek bimbingan dan kejurulatihan, manakala kandungan silibus Semester 4 mengkhususkan aspek kepengadilan dan pentauliahan.

5.0 KESIMPULAN

Transformasi kokurikulum berkredit di Politeknik Malaysia adalah wajar dilaksanakan bertepatan sambutan 50 tahun Politeknik Malaysia. Pelaksanaan kokurikulum berkredit tersebut memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak khususnya pengurusan JPPKK, institusi, pensyarah, mahasiswa dan pihak yang berkepentingan. Keberhasilan pelaksanaannya kelak terserlah dengan lahirnya para graduan yang mempamerkan ketrampilan, personaliti dan nilai kebolehpasaran yang tinggi.

Pelaksanaan kokurikulum di politeknik sehingga kini dapat dilaksanakan dengan baik, namun beberapa perkara perlu diberi perhatian agar keberkesanannya pada masa hadapan dapat ditingkatkan. Berikut adalah cadangan beberapa strategi pelaksanaannya bagi jangka masa panjang:

Commented [4]: Perbincangan dalam kesimpulan terlalu ringkas



1. Memberi wawasan yang sesuai kepada pensyarah dan mahasiswa yang aktif dalam aktiviti kokurikulum supaya kurikulum dan kokurikulum boleh saling melengkapi dalam proses pendidikan di politeknik.
2. Menambahkan bilangan aktiviti sukan, kelab/persatuan dan unit beruniform serta mempelbagaikan aktiviti tersebut dengan tujuan memberi peluang kepada semua mahasiswa melibatkan diri dengan aktif secara individu atau kumpulan.
3. Memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada pensyarah dan mahasiswa yang terlibat dengan kokurikulum khususnya seperti pemberian Surat Penghargaan, Penganugerahan Pingat atau Pemakaian Gelaran Pangkat dalam surat menyurat rasmi, cop rasmi dan kad rasmi jabatan, serta pemakaian gelaran pangkat kepada mahasiswa dalam Majlis Konvokesyen.
4. Membuat perolehan peralatan kokurikulum berkredit secara berkala setiap tahun bagi menggantikan peralatan yang lusuh dan rosak serta memastikan standard peralatan setaraf dengan keperluan peralatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
5. Mengadakan program pemantapan ilmu dan percambahan minda kepada para pensyarah dan pegawai dalam kokurikulum berkredit melalui penawaran kursus, bengkel *Training for Trainers (TOT)*, program peningkatan profesionalisme, perbengkelan dan seminar yang berkaitan dari semasa ke semasa.
6. Menyediakan laluan khusus kenaikan pangkat melalui penglibatan pegawai dalam kokurikulum bagi meningkatkan penyertaan pegawai dan kesinambungan pelaksanaan kokurikulum berkredit di politeknik.
7. Menguatkuasakan penglibatan semua pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kokurikulum di politeknik dari gred 41 hingga 54 sebagaimana dinyatakan di dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Pengajian Tinggi. (JPA PPBil.33 2008)

RUJUKAN

- Ahad, S. t thn. *Bagaimana Aktiviti Kokurikulum Yang Dijalankan Di Politeknik Dan Kolej Komuniti Dapat Mengasah Kemahiran Generik Pelajar Dan Cadangkan Pendekatan Lain Yang Boleh Dilaksanakan Untuk Meningkatkan Kemahiran Generik Pelajar Bagi Menghadapi Alam Kerjaya*. Merlimau : Politeknik Merlimau Melaka
- Alwi, M. A. M. 2014. *Bengkel Semakan Kurikulum Kokurikulum Politeknik Malaysia Bil.3/2014*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik.
- Badusah, J., Hashim, R. A., Konting, M. M., Suandi, T., Salih, M. & Yusof, N. 2009. *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Canham, J. & Bennett, J. 2002. *Mentorship in community nursing: challenges and opportunities*. United Kingdom: Blackwell Science.
- DBP, Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992. *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hassan, F. 2019a. Bengkel Pemurnian Dokumen Kurikulum Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Kokurikulum Unit Beruniform JPPKK Bil 1/2019.
- Hassan, F. 2019b. Bengkel Pemurnian Dokumen Kurikulum Kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Kokurikulum Unit Beruniform JPPKK Bil 2/2019.



- Jamalis, M. & Fauzee, M. S. O. 2007. *Developing Human Value Through Extra Curricular Activities*. The Journal of Human Resource and Adult Learning. Vol. 3, Num. 1, July 2007.
- JPA, Jabatan Perkhidmatan Awam. 2008. *Pekeliling Perkhidmatan Bil.33 - Skim Perkhidmatan Pegawai Pengajian Tinggi (PPPT DH)*, Putrajaya, Jabatan Perkhidmatan Awam.
- KPM, Kementerian Pelajaran Malaysia. 2015 *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi)*, Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia
- KPM, Kementerian Pelajaran Malaysia. t.thn. *Buku Panduan Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah dan Rendah*, Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPT, Kementerian Pendidikan Tinggi. 2012. *Laporan Tahunan 2011*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- KPT, Kementerian Pendidikan Tinggi. 2016. *Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua*. Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- KPTM, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2007. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Peletakan Asas Melangkaui 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kusin, S. A. & Esa. A. 2014. *Pembangunan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Aktiviti Perkhemahan Dalam Kalangan Ahli Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM)*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mahoney, J. L., Cairns, B. D. & Farmer, T. W. 2003. *Promoting interpersonal competence and educational success through extracurricular activity participation*. *Journal of Educational Psychology*. 95(2): 409-418.
- Mohamad, M. 1988. *Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran (7hb. November, 1979)*. Kuala Lumpur: Malaysia Kementerian Pelajaran.
- Norashikin, S. 2010. *Kepentingan Aktiviti Kokurikulum*. Dicapai pada September 12, 2019. dari <http://cikguikin70.blogspot.com/2010/01/pendidikan-2kepentingan-aktiviti.html>.
- POLISAS, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah. 2019. *Maklumat Am Unit Sukan dan Kokurikulum*. Diambil dari <http://www.polisas.edu.my/portal/index.php/j-stuff/using-joomla> [7 November 2019]
- Selamat, J., Ismail, K. & Ahmad, S. 2010. *Objektif dan faedah berpersatuan*. Dalam *Mengurus Persatuan: Proses dan Kemahiran*. Bangi: Penerbit UKM.
- Selamat, J., Ismail, K., Aiyub, K., Arifin, K., Lukman, Z. Rajikan, M. R., Awang. A., Rahim, M. H. A. & Derahim, N. 2011. *Penilaian Aktiviti Kokurikulum Berkredit Berasaskan Kontrak Pembelajaran di UKM*, *Jurnal Personalita Pelajar*. Bil 14 : 101 – 116.
- Subperaturan 3(1) dalam Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai P.U.(A) 531/97.
- Wahab, R. A. 2002. *Dewan Masyarakat*. Januari 2002. Karangkrif Publication Sdn. Bhd, m.s. 44
- Yusak, M. Y., Tahir, K., Alwi, M. M. A., Amin, S. M. & Rahim, A. I. A., 2014. *Buku Garis Panduan Kokurikulum Politeknik Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik.
- Yusak, Y. M. & Johari, M. H. F. 2018. *Kertas Cadangan Penubuhan Kelab Pengakap Kelanasiswa, Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) Di Universiti Kebangsaan Malaysia (KLKM UKM)*. Bangi: Kementerian Pendidikan Tinggi.



- Yusak, Y. M. 2013. *Kertas KERJA KK01/1K/2013 - Memohon Kelulusan Pelaksanaan Kurikulum Kokurikulum bagi program pengajian di Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Dan Latihan Kerjaya (BPKLK), Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yusak, Y. M. 2014. *KERTAS KERJA KM02/1K/2014 - Memaklumkan Pertambahan Kurikulum Kokurikulum Baharu bagi program pengajian di Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia*, Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Dan Latihan Kerjaya (BPKLK), Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yusak, Y. M. 2017. *Kertas Kerja Pelaksanaan Kokurikulum Berkredit Pengakap Kelanasiswa (KLKM) Dan Penganugerahan Anugerah Baden Powell (BPA) Di Institusi Pendidikan Tinggi*, Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik.